

## **KEPERLUAN PELAJAR ORANG KURANG UPAYA (OKU) DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI**

Safura Ahmad Sabri, Hazlin Falina Rosli, Nur Fikhriah Takril  
safura@kuis.edu.my, hazlinfalina@kuis.edu.my, nurfikhriah@kuis.edu.my  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

### **ABSTRAK**

Mendapat akses pendidikan tinggi yang berkualiti merupakan hak dan keperluan pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) setelah tamat pengajian di peringkat menengah. Namun terdapat beberapa isu dan permasalahan yang timbul berikutan kepada kekurangan daripada pelbagai pihak dalam menangani isu ini. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk yang mengupas isu berkaitan keperluan pelajar OKU di peringkat IPT. Dalam hal ini, perkara utama yang perlu dititikberatkan dalam pembelajaran pendidikan khas ialah fasiliti, kekurangan bahan pengajaran dan pembelajaran serta kurangnya tenaga pengajar terlatih dalam mengendalikan pelajar OKU serta tiada garis panduan dan pengawasan yang betul dalam proses pembelajaran pelajar OKU di IPT. Kekurangan beberapa aspek tersebut secara tidak langsung menghalang pelajar OKU di IPT untuk menerima pendidikan yang sempurna seperti pelajar normal yang lain. Ramai dalam kalangan OKU yang terkandas kerana wujudnya faktor-faktor tersebut. Selain itu, kakitangan akademik juga harus cakna dalam menangani isu ini bagi memastikan bahawa pelajar minoriti ini mendapat pendidikan berkualiti di IPT. Kesedaran dari pihak IPT penting dalam menyediakan keperluan OKU daripada pelbagai aspek yang bersesuaian dengan keupayaan mereka agar OKU tidak keciciran dalam menerima pendidikan seperti masyarakat normal yang lain.

**Kata kunci:** Keperluan, Pelajar Kurang Upaya (OKU), Institusi Pengajian Tinggi, pembelajaran, pengajaran.

## **1.0 PENGENALAN**

Pendidikan secara umumnya merupakan satu usaha berterusan yang bertujuan untuk menghasilkan rakyat yang dapat menyumbang kepada pembangunan, kesejahteraan dan kemakmuran negara. Malah, Falsafah Pendidikan Kebangsaan turut menekankan usaha penting sektor pendidikan negara dalam melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Melalui pendidikan yang komprehensif, negara akan dapat bergerak secara progresif dan dinamis bagi menghasilkan pekerja berilmu yang lengkap dengan pengetahuan, kemahiran serta bersikap profesional dalam menghadapi cabaran di era globalisasi masa kini. Sistem pendidikan yang terbaik adalah sistem yang dapat menyediakan pendidikan kepada setiap golongan masyarakat tanpa mengira tempat, etnik, latar belakang sosioekonomi serta keupayaan fizikal seseorang. Ini kerana keperluan untuk melahirkan modal insan berkualiti tinggi adalah penting pada abad ke-21 ini, tanpa mengira batasan keupayaan seseorang individu itu.

Namun sistem pengajian tinggi yang diamalkan pada masa kini banyak menumpu dan menyediakan kemudahan serta perkhidmatan untuk pelajar-pelajar yang mempunyai perkembangan tipikal (tidak mempunyai kurang upaya) (Kementerian Pengajian Tinggi, 2007). Statistik yang dipetik oleh Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) menyebut bahawa golongan OKU merupakan antara golongan yang masih rendah enrolmennya jika dibandingkan dengan keseluruhan enrolmen di peringkat pengajian tinggi. Pada tahun 2007, statistik bagi bilangan pelajar-pelajar kurang upaya di IPTA negara ini adalah hanya 1.1% (4,255) dari jumlah keseluruhan pelajar-pelajar IPTA iaitu seramai 382,997 orang (Kementerian Pengajian Tinggi, 2007). Ini menunjukkan bahawa orang kurang upaya masih kurang mendapat pendidikan tinggi (Gibson, 2012; Liasidou, 2014).

Walau bagaimanapun, statistik kemasukan pelajar kurang upaya ke universiti di UK jelas menunjukkan wujudnya peningkatan, dengan pelbagai keperluan berbeza yang dikenalpasti (HESA, 2014 dalam Kendall, 2016). Couzens et al. (2015) mengenal pasti bahawa bilangan pelajar dengan ketidakupayaan tersembunyi seperti disleksia, gangguan spektrum autisme (ASD) dan gangguan defisit atau hiperaktif disorder (ADHD) kian meningkat di institusi pengajian tinggi. Namun, Vickerman dan Blundell (2010) mempersoalkan sama ada ianya merupakan peningkatan tulen atau mungkin disebabkan oleh sikap keterbukaan individu OKU tersebut yang lebih bersedia untuk mendedahkan ketidakupayaan dimiliki oleh mereka.

## **2.0 REALITI PELAJAR OKU DI IPT**

Orang Kurang Upaya (OKU) dapat dibahagikan kepada tujuh kategori, iaitu OKU Fizikal, OKU Penglihatan, OKU Pendengaran, OKU Mental, Kurang Upaya Pertuturan, Masalah Pembelajaran dan Kurang Upaya Pelbagai. Di Malaysia, terdapat pelbagai istilah diberikan kepada OKU, seperti orang istimewa, anak syurga, orang cacat, orang kelainan upaya, murid berkeperluan khas dan sebagainya. OKU boleh didefinisikan sebagai seseorang yang mempunyai kekurangan jangka panjang daripada segi fizikal, mental, intelektual atau deria apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dalam masyarakat (Akta OKU, 2008). Walaupun golongan OKU merupakan kelompok minoriti dan berbeza daripada masyarakat normal, namun mereka juga seharusnya mendapat peluang yang sama seperti individu normal lain. Ini kerana semua individu tanpa mengira keupayaan dan ketidakupayaan mereka, jantina, sosial, ekonomi, kebudayaan, latar belakang etnik atau agama mempunyai hak yang sama rata untuk mendapatkan kualiti kehidupan yang baik (Hazlin Falina, Wan Amizah & Maizatul Haizan, 2015). Salah satu medium ke arah mendapatkan kualiti kehidupan yang baik adalah melalui pendidikan. Justeru, perkembangan OKU harus diambil berat dan diberi perhatian yang sewajarnya terutamanya di peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat yang lebih tinggi.

Ini sejajar dengan Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta OKU, 2008) yang telah diwartakan pada 24 Januari 2008. Akta ini menyatakan dengan jelas tentang akses golongan kurang upaya terhadap pendidikan di mana individu kurang upaya tidak boleh dikecualikan daripada menerima pendidikan atas alasan ketidakupayaan yang dialami oleh mereka. Selain itu, individu kurang upaya juga tidak boleh dikecualikan daripada menerima pendidikan prasekolah, rendah, menengah, tinggi, latihan vokasional dan pembelajaran sepanjang hayat. Hal ini selaras dengan dasar kesetaraan hak individu terutamanya dalam menyokong penglibatan penuh individu kurang upaya dalam pendidikan.

Walaupun golongan OKU ini dilihat mula mendapat tempat serta diterima di IPT, namun banyak kajian lepas menunjukkan bahawa pelajar kurang upaya yang berada dalam institusi pendidikan tinggi terus mengalami halangan untuk belajar (Black, Weinberg & Brodwin, 2015; Couzens et al., 2015; Hopkins, 2011; Macleod & Cebula, 2009). Malah, Reed, Kennett, dan Emond (2015) mengakui bahawa akibat daripada banyaknya halangan yang dihadapi oleh pelajar kurang upaya ini, mereka lebih berisiko untuk mendapat prestasi akademik yang kurang baik berbanding

rakan sebaya mereka yang normal. Namun, Crow (2003) berpendapat bahawa ini bukan disebabkan oleh kekurangan kemampuan pelajar OKU tersebut semata-mata, sebaliknya ia lebih kepada "halangan kekurangan sosial, alam sekitar dan sikap" yang disebut sebagai kekurangan dalam model sosial.

Halangan ini termasuk persekitaran fizikal seperti kesukaran mengakses kampus, kelas, kediaman, perpustakaan dan perkhidmatan sokongan (Holloway, 2001; Redpath et al., 2013). Selain itu, halangan sikap pula selalunya merujuk kepada sikap negatif daripada pelajar normal terhadap pelajar kurang upaya (Liasidou, 2014) serta sikap tidak ambil peduli kakitangan di universiti terhadap pelajar OKU (Madriaga, 2007). Redpath et al. (2013) turut mendapati bahawa satu bentuk penghalang untuk pelajar yang kurang upaya adalah kurang kesedaran dikalangan kakitangan pengajar tentang keperluan berbeza yang mungkin diperlukan oleh para pelajar, dan menyebabkan para pelajar kurang upaya ini sering perlu terus meminta penyesuaian yang munasabah untuk menyokong mereka, di mana selalunya sokongan ini tidak diberikan. Misalnya nota kuliah atau slaid sebelum kuliah (Hopkins, 2011) atau membenarkan kuliah dirakam oleh pelajar (Mortimore, 2013). Amalan negatif ini mewujudkan halangan kepada kemasukan penuh dan seringkali merugikan pelajar kurang upaya berbanding rakan sebaya mereka yang normal.

### **3.0 KEPERLUAN PELAJAR OKU DI IPT**

Kebanyakan pelajar OKU di IPT memerlukan bantuan dan sokongan yang sedikit berbeza disebabkan perbezaan keupayaan yang dimiliki oleh mereka berbanding pelajar tipikal yang lain. Beberapa aspek perlu diberi perhatian dalam usaha untuk memastikan pelajar OKU ini tidak keciciran serta dapat memanfaatkan sepenuhnya peluang belajar di institusi pengajian tinggi. Namun begitu, keperluan pelajar OKU adalah berbeza mengikut jenis ketidakupayaan yang mereka hadapi. Antara keperluan-keperluan yang dikenalpasti penting adalah dari aspek penyediaan infrastruktur, kemudahan akses pembelajaran, penilaian yang bersesuaian serta sistem sokongan.

#### **3.1 Penyediaan Infrastruktur**

Pelajar kurang upaya fizikal seperti cacat anggota dan cacat penglihatan lebih memerlukan infrastuktur khusus yang dapat membantu mereka menjalani kehidupan di institusi pengajian secara berdikari tanpa sentiasa mengharapkan bantuan daripada individu normal yang lain. Prasarana

mesra OKU di IPT seperti kemudahan lerengan (ramp), rail, lif dan tandas OKU merupakan antara infrastruktur penting yang diperlukan bagi memudahkan pelajar OKU untuk melakukan pergerakan. Ini bertepatan dengan hasil kajian Hazlin dan Safura (2017) yang mendapati bahawa pelajar OKU kategori cacat penglihatan sangat memerlukan kemudahan railing dan lif manakala tambahan untuk pelajar cacat anggota, mereka mengharapkan binaan kaunter pertanyaan yang bersesuaian untuk mereka yang berkerusi roda. Pergerakan golongan OKU akan bertambah sukar dengan ketiadaan infrastruktur mesra OKU seperti cecondong untuk pengguna berkerusi roda dan ‘*tactical guiding block*’ iaitu penunjuk jalan bagi orang buta (Sam, 2010).

### 3.2 Kemudahan Akses Pembelajaran

Dalam kalangan pelajar kurang upaya, ada di antara mereka sebenarnya mempunyai kecerdasan kognitif yang standing dengan individu yang normal malah pencapaian mereka mampu melebihi pencapaian pelajar normal. Justeru, golongan OKU harus diberikan peluang yang sama dengan individu normal lain supaya mereka tidak tersisih daripada arus pembelajaran nasional. Bagi pelajar OKU yang berjaya menempatkan diri ke peringkat pengajian tinggi, mereka sebenarnya telah membuktikan bahawa mereka mampu bersaing di peringkat pengajian sekolah rendah dan menengah. Jika dilihat kepada sistem pendidikan di sekolah, pelajar kurang upaya ini banyak mendapat sokongan misalnya melalui guru-guru yang terlatih serta kewujudan kelas-kelas berkeperluan khas. Namun, kajian oleh Riddell, Wilson & Tinklin (2002) menunjukkan bahawa pelajar OKU sering menghadapi halangan sewaktu pengajian dan mendapat keputusan yang rendah di akhir pengajian walaupun mempunyai kelayakan yang setaraf dengan pelajar-pelajar lain sewaktu mendaftarkan diri ke Universiti.

Bagi membantu pelajar OKU di pusat pengajian tinggi, kemudahan pembelajaran mesra OKU seperti Braille, perakam audio, aksesibiliti talkback di laptop dan telefon pintar adalah sangat diperlukan bagi membolehkan golongan OKU untuk mendapatkan info maklumat dengan lebih jelas. Selain itu, kajian oleh Kendall (2016) menunjukkan bahawa antara kemudahan yang sangat diharapkan oleh pelajar OKU adalah akses awal kepada nota kuliah dan slaid sebelum kuliah bermula. Ini penting kerana mereka memerlukan masa bagi membaca maklumat pada kadar mereka sendiri untuk memahami sepenuhnya kandungan kuliah tersebut. Ini bersesuaian dengan penemuan Fuller et al. (2004), para pelajar menyuarakan tentang kesulitan mereka untuk mencatat nota terutamanya apabila pensyarah bercakap dengan cepat atau menyampaikan kuliah dengan pantas.

Maka, mereka merasakan perlu untuk mendapat akses awal kepada kandungan sesuatu kuliah bagi membolehkan mereka membuat persediaan awal sebelum masuk ke kelas.

### **3.3 Penilaian yang Bersesuaian**

Selain daripada kemudahan infrastruktur dan akses pembelajaran, antara isu yang perlu diberi perhatian adalah berkait dengan sistem penilaian yang diguna pakai di institusi pendidikan. Hanafin et al. (2007) menekankan perihal kesukaran penilaian bagi pelajar kurang upaya. Sesetengah penilaian yang digunakan dilihat sebagai terlalu ketat dan akhirnya menjadi suatu penghalang kepada pelajar (Fuller et al., 2004). Ini disokong oleh Pavey, Meeha dan Waugh (2010) yang turut melihat penilaian berorientasikan peperiksaan ini merupakan suatu halangan terutamanya bagi pelajar dengan kecacatan pembelajaran seperti disleksia, dan mereka menyokong untuk diwujudkan penilaian alternatif. Ini selaras dengan kajian Kendall (2016) yang menyatakan ada di antara pelajar kurang upaya yang mempunyai kesukaran untuk mengeja dan menulis ayat, namun mempunyai kekuatan dari aspek pertuturan merasakan bahawa penilaian alternatif seperti pembentangan dan viva sangat diperlukan bagi menonjolkan serta meraikan kelebihan yang mereka miliki. Walaubagaimanapun, wujud perbincangan daripada aspek ketersediaan ahli akademik untuk memberikan penilaian alternatif bagi pelajar kelainan upaya ini.

### **3.4 Sistem Sokongan**

Majoriti pelajar OKU sebenarnya sangat mengharapkan dan memerlukan sokongan daripada khalayak umum, khususnya warga institusi pengajian termasuklah pensyarah, staff pentadbiran dan sokongan serta rakan-rakan di pusat pengajian. Sokongan ini bukan hanya terhad kepada sokongan berbentuk fizikal, malah adakalanya mereka lebih mengharapkan sokongan dalam bentuk kefahaman dan kesedaran berkaitan perbezaan keupayaan yang mereka miliki. Fuller et al. (2004) mendapati bahawa pelajar berasa kecewa apabila mereka perlu memaklumkan berulang kali kepada pensyarah akan perihal kecacatan mereka dan bentuk pelarasan sewajarnya yang perlu dilakukan dalam memenuhi keperluan mereka. Sokongan juga boleh diberikan dengan cara melengkapkan diri dengan pengetahuan berkaitan kepelbagaian kecacatan yang dimiliki oleh pelajar OKU. Dapatan kajian oleh Kendall (2016) ada membangkitkan isu mengenai kurangnya pengetahuan pensyarah mengenai sesuatu ketidakupayaan khusus serta keperluan latihan yang sewajarnya, di mana pensyarah perlulah mempunyai latihan asas tentang Kesukaran Pembelajaran Tertentu seperti disleksia. Melalui pengetahuan yang mendalam ini, pelajar kurang upaya di institusi pengajian akan

merasakan bahawa keperluan mereka difahami seterusnya mengelakkan mereka daripada berasa tersisih daripada sistem pendidikan sedia ada.

#### **4.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB INSTITUSI PENGAJIAN**

Dalam rangka struktur sistem pengajian tinggi, pihak institusi pengajian dan pensyarah merupakan entiti yang menggalas tanggungjawab utama dalam menyediakan kemudahan serta memastikan pelajar tipikal dan OKU dapat meneruskan pengajian mereka dengan baik. Bagi pelajar OKU, walaupun mereka hanyalah kelompok moniroti dalam sesebuah institusi pengajian, keperluan mereka tidak seharusnya diabaikan. Ini sejajar dengan Akta OKU 2008 yang dengan jelas menyebut pihak penyedia perkhidmatan pendidikan sama ada kerajaan mahupun swasta wajib untuk memberi peluang kepada individu kurang upaya untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Di samping itu, pihak penyedia perkhidmatan pendidikan juga dipertanggungjawabkan untuk menyediakan kemudahan bersesuaian seperti mana yang diperlukan oleh individu berkeperluan khas tersebut. Kemudahan ini merangkumi prasarana, kelengkapan bahan pengajaran, kaedah pengajaran, pengubahsuaian kurikulum atau sebarang bentuk sokongan lain yang munasabah yang diperlukan oleh individu tersebut. Klausula dalam Akta OKU 2008 turut menyatakan bahawa individu kurang upaya perlu diberikan kemudahan dan kelengkapan yang sepenuhnya bagi memenuhi keperluan mereka dalam menerima pendidikan.

Sesebuah institusi pendidikan bukan sahaja perlu menyediakan kemudahan dan kelengkapan yang sepatutnya, malah mereka juga sebenarnya bertanggungjawab untuk sentiasa memastikan prasarana yang disediakan berada dalam keadaan baik melalui penyelenggaraan berkala. Prasarana khas bagi pelajar OKU ini juga sebenarnya adalah berbeza mengikut jenis kecacatan pelajar yang berada di sesebuah institusi. Justeru, pihak institusi perlu sentiasa cakna dengan bentuk keperluan yang diperlukan oleh pelajar mereka.

Selain pihak institusi, pensyarah selaku individu yang sentiasa berhubung terus dengan pelajar merupakan pihak yang turut menggalas peranan penting. Seperti yang disebut dalam Akta OKU 2008, keperluan untuk menyediakan kemudahan semasa kuliah adalah menjadi tanggungjawab pensyarah sepenuhnya. Oleh yang demikian, adalah menjadi kewajipan kepada setiap pensyarah untuk mematuhi perkara yang diperuntukkan oleh akta tersebut. Tahir (2009) menyatakan dalam kajiannya, pendidik bagi pelajar OKU perlu menyesuaikan kaedah pembelajaran

mereka dengan pelbagai jenis ketidakupayaan yang dialami oleh pelajar di bawah bimbingannya. Pendekatan dan kaedah yang digunakan perlulah mengambil kira kemampuan pelajar tersebut dalam jangka masa yang panjang, berupaya memupuk sifat-sifat berdikari dikalangan mereka, serta mampu mempertingkatkan peranan mereka sebagai sebahagian komuniti penyumbang kepada pembangunan negara secara keseluruhannya.

Namun begitu, dalam usaha mendidik dan meningkatkan keupayaan pelajar yang dikategorikan sebagai pelajar kurang upaya, Yusuf (2007) dalam Syafawati (2012) menekankan bahawa silibus yang digubal sebenarnya tidak perlu berbeza dengan pelajar normal, di mana penekanan kepada perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelek masih perlu diberi perhatian selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara. Walaubagaimanapun, kaedah yang digunakan dalam mendidik pelajar OKU ini sememangnya berbeza daripada pelajar normal. Pelajar OKU perlu diberikan lebih keutamaan dari aspek penyediaan dan latihan tenaga pengajar, silibus mahupun kelengkapan yang disediakan di institusi pendidikan. Dalam konteks ini, pensyarah memainkan peranan yang sangat penting di mana peningkatan penglibatan kakitangan akademik mempunyai korelasi dengan peningkatan prestasi pencapaian dan perkembangan pelajar (Jeynes, 2007). Justeru, semua kakitangan akademik di IPT perlu dilengkapi serta didedahkan dengan kemahiran dan pengetahuan yang tinggi dalam menangani isu keperluan pelajar OKU di IPT.

## **5.0 PENUTUP**

Sebagai kesimpulan, keperluan pelajar kurang upaya yang berada di institusi pengajian tinggi harus diberi perhatian dalam usaha untuk mewujudkan sistem pembelajaran inklusif tanpa mengenyakan mana-mana pelajar. Ini adalah penting bagi memastikan cita-cita untuk melahirkan modal insan berkualiti tinggi tanpa mengira batasan keupayaan seseorang individu itu dapat dicapai. Namun, dalam usaha memenuhi keperluan pelajar OKU dengan pelbagai perbezaan keupayaan ini, Taylor, Baskett, dan Wren (2010) menekankan pentingnya memastikan penyesuaian ini disediakan sebelum pelajar memulakan pengajian mereka. Malah, penyesuaian atau sebarang pelarasan yang dilakukan haruslah khusus melihat kepada keperluan individu pelajar tersebut dan juga keperluan program yang diikuti (Elcock, 2014). Justeru, memandangkan sokongan kepada pelajar-pelajar khas ini merupakan suatu isu yang kompleks, maka pihak institusi perlulah menjalankan penyelidikan lanjut dalam memahami keperluan sebenar pelajar OKU serta merangka dan seterusnya melaksanakan penyesuaian yang sewajarnya.



## RUJUKAN

- Black, R. D., Weinberg, L. A., & Brodwin, M. G. (2015). Universal Design for Learning and Instruction: Perspectives of Students with Disabilities in Higher Education. *Exceptionality Education International*, 25(2), 1–26.
- Couzens, D., Poed, S., Kataoka, M., Brandon, A., Hartley, J., & Keen, D. (2015). Support for Students with Hidden Disabilities in Universities: A Case Study. *International Journal of Disability, Development and Education*, 62, 24–41.
- Crow, L. (2003). Including All of Our Lives: Renewing the Social Model of Disability. In M. Nind, J. Rix, K. Sheehy, & K. Simmons (Eds.), *Inclusive education: Diverse perspectives* (pp. 135–149). London: David Fulton.
- Elcock, K. (2014). Supporting Students with Disabilities: Good progress, but must try harder. *British Journal of Nursing*, 23, 758.
- Fuller, M., Bradley, A., & Healey, M. (2004). Incorporating Disabled Students within an Inclusive Higher Education Environment. *Disability & Society*, 19, 455–468.
- Gibson, S. (2012). Narrative Accounts of University Education: Socio-cultural Perspectives of Students with Disabilities. *Disability & Society*, 27, 353–369.  
<http://dx.doi.org/10.1080/09687599.2012.654987>
- Hanafin, J., Shevlin, M., Kenny, M., & Neela, E. (2007). Including Young People with Disabilities: Assessment Challenges in Higher Education. *Higher Education*, 54, 435–448.
- Hazlin Falina Rosli & Safura Ahmad Sabri. (2017). Halangan Fasiliti Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) di Institusi Pengajian Tinggi di Lembah Klang. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly And Disabled*, Vol. 2, (June).
- Hazlin Falina Rosli, Wan Amizah Wan Mahmud & Maizatul Haizan Mahbob. (2015). Realiti dan Kesamarataan Hak Orang Kelainan Upaya (OKU) di Malaysia. *International Conferences on Media and Communication (MENTION 2015)*.
- Holloway, S. (2001). The experience of higher education from the perspective of disabled students. *Disability & Society*, 16, 597–615.
- Hopkins, L. (2011). The Path of Least Resistance: A Voice-relational Analysis of Disabled Students' Experiences of Discrimination in English Universities. *International Journal of Inclusive Education*, 15, 711–727.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2007). *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara*.
- Liasidou, A. (2014). Critical Disability Studies and Socially Just Change in Higher Education. *British Journal of Special Education*, 41, 120–135.
- Lynne Kendall. (2016). Higher Education and Disability: Exploring Student Experiences. *Cogent Education*, 3: 1256142.
- Macleod, G., & Cebula, K. R. (2009). Experiences of Disabled Students in Initial Teacher Education. *Cambridge Journal of Education*, 39, 457–472.
- Madriaga, M. (2007). Enduring Disablism: Students with Dyslexia and Their Pathways into UK Higher Education and Beyond. *Disability & Society*, 22, 399–412.
- Mortimore, T. (2013). Dyslexia in Higher Education: Creating a Fully Inclusive Institution. *Journal of Research in Special Educational Needs*, 13, 38–47.
- Pavey, B., Meehan, M., & Waugh, A. (2010). *Dyslexia-friendly Further & Higher Education*. London: Sage.

- Redpath, J., Kearney, P., Nicholl, P., Mulvenna, M., Wallace, J., & Martin, S. (2013). A Qualitative Study of the Lived Experiences of Disabled Post-transition Students in Higher Education Institutions in Northern Ireland. *Studies in Higher Education*, 38, 1334–1350.
- Reed, M. J., Kennett, D. J., & Emond, M. (2015). The Influence of Reasons for Attending University on University Experience: A Comparison between Students with and without Disabilities. *Active Learning in Higher Education*, 16, 225–236.
- Syafawati Azudin. (2012). *Perlaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran) bagi Program Kejuruteraan dan Hospitaliti di Politeknik*. Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal Dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Tahir. L.M. (2009). Pendidikan Teknik dan Vokasional Untuk Pelajar Berkeperluan Khas. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, Jil. 24, ms 73–87.
- Taylor, M., Baskett, M., & Wren, C. (2010). Managing the Transition to University for Disabled Students. *Education + Training*, 52, 165–175.
- Vickerman, P., & Blundell, M. (2010). Hearing the Voices of Disabled Students in Higher Education. *Disability & Society*, 25, 21–32.